

19 MAR 1998

Laluan

DR MAHATHIR DAN GOH RASMI BUKA LALUAN KEDUA BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Singapura Goh Chok Tong akan membuka dengan rasmi laluan kedua Malaysia-Singapura bulan depan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata hari ini kedua-dua perdana menteri itu telah bersetuju untuk membuka secara bersama laluan kedua itu pada 18 April.

"Mereka akan melakukan perasmian itu pada 9.30 pagi," kata beliau kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penswastaaan urusan pengendalian bangunan guna sama kerajaan persekutuan di kementerian itu.

Kutipan tol untuk laluan kedua itu, menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura, hanya bermula pada Selasa lepas walaupun laluan itu dibuka kepada kenderaan sejak 2 Jan.

Singapura dan Malaysia sama-sama membina laluan kedua itu -- republik itu membina 0.3km daripada jambatan sepanjang dua km dengan belanja S\$600 juta manakala Malaysia membina 1.7km lagi, termasuk jalan enam lorong yang menghubungkan jambatan itu dengan lebuh raya Utara-Selatan dengan belanja RM1.2 bilion.

Apabila ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula kadar tol laluan kedua itu memandangkan bantahan pengusaha lori besar, Samy Vellu berkata kadar yang dikenakan itu sudah banyak dikurangkan daripada yang asal.

"Dengan menggunakan laluan baru itu, mereka boleh menjimatkan banyak masa berbanding dengan menggunakan Tambak Johor yang keseluruhan perjalanannya memerlukan antara dua dengan tiga jam. Dengan menggunakan laluan kedua mereka memerlukan masa 20 minit sahaja," katanya.

Malaysia mengenakan kadar tol RM4.80 bagi kereta, RM11.40 bagi van dan lori kecil, RM25.50 bagi lori besar dan trailer, RM4.10 bagi teksi, RM6.20 bagi bas dan RM1 bagi motosikal.

Kadar itu adalah antara 25 dan 48 peratus lebih rendah daripada yang diperuntukkan dalam perjanjian asal dengan pemaju projek itu dan pemegang hak konsesinya Linkedua (M) Sdn Bhd.

Kadar tol yang dikenakan Singapura ialah S\$0.50 bagi motosikal, S\$2.50 bagi kereta, S\$6 bagi van/lori kecil, S\$12 bagi lori besar, S\$2 bagi teksi dan S\$3 bagi bas (S\$1 = RM2.27).

Samy Vellu berkata laluan kedua itu terbukti lebih memudahkan dan lebih menyelesaikan, jalannya lebih baik, urusan kastam dan imigresen lebih lancar dan lori juga boleh menyelesaikan kerja punggah-memunggah dengan lebih cepat.

"Mereka boleh mendapat lebih banyak keuntungan dengan berbelanja hanya beberapa ringgit (untuk tol)," kata Samy Vellu.

Beliau berkata kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menaikkan kadar tol bagi Tambak Johor dari Johor Baharu ke Woodlands, Singapura.

Samy Vellu berkata kerajaan akan membelanjakan RM40 juta untuk memperbaiki jalan dari Kulai ke Johor Baharu dengan membina lebih banyak persilangan termasuk persilangan Tampoi yang sedang dibina.

-- BERNAMA

ES NMO